

**NO. SOALAN : 127**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN FONG KUI LUN**  
**[ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan ketibaan pelancong asing terutama dari China yang memakai visa dan tanpa visa sepanjang 3 tahun lalu dan bilakah polisi visa terbuka akan dilaksanakan.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan telah memperkenalkan kemudahan bagi menarik pelancong dari negara China ke Malaysia iaitu eVISA dan Visa Free (Sistem ENTRI) yang bertujuan bagi lawatan sosial sahaja. E-Visa dan Visa Free (Sistem ENTRI) diperkenalkan adalah bagi memudahkan pengguna untuk memohon visa secara *online* atau melalui agensi pelancongan berdaftar dengan Pejabat Perwakilan Malaysia dan mencetaknya sendiri setelah mendapat kelulusan dalam tempoh 24 jam (eVISA) / serta merta (Visa Free/ Sistem ENTRI) setelah permohonan lengkap dikemukakan.

EVisa diberi kepada rakyat RRC di China dan dari seluruh dunia yang mana tempoh lawatan tidak melebihi 30 hari berkuatkuasa pada 1 Mac 2016 melalui semua pintu masuk yang diwartakan dalam warta Kerajaan.

Manakala Visa Free (Sistem ENTRI) menawarkan pengecualian visa tidak melebihi lawatan selama 15 hari kepada rakyat RRC sahaja berkuatkuasa 1 Mac 2016 hingga 31 Disember 2016 melalui pintu masuk udara sahaja iaitu KLIA, KLIA2, Lapangan Terbang Pulau Pinang, Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bharu, Lapangan Terbang Pulau Langkawi, Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Kuching melalui penerbangan terus dari China.

Pada tahun 2015, jumlah kedatangan pelancong dari China ke Malaysia adalah seramai 1,677,163 yang mana terdapat peningkatan sebanyak 4.0% berbanding pada tahun 2014 seramai 1,613,355 orang. Tahun 2013 mencatatkan seramai 1,791,423 pelancong dan menunjukkan penurunan sebanyak -9.99% berbanding pada tahun 2014.

Merujuk kepada maklumat yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), sehingga 10 Mei 2016, statistik permohonan EVisa adalah berjumlah 15,896 permohonan manakala bagi Visa Free (Sistem ENTRI) pula adalah sebanyak 21,562 permohonan.

Sekian, terima kasih.